



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/7/2013

Undang-undang atau akta sedia ada tidak perlu diubah sewenang-wenangnya

UM - 18/7/2013

# Jangan gubal sesuka hati - Dr. M



DR. MAHATHIR Mohamad mempengerusikan perjumpaan dengan Perkasa di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam.

Oleh HAKIMI ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 17 Julai - Undang-undang atau akta yang telah digubal dan dilaksanakan dengan baik tidak perlu diubah sewenang-wenangnya kerana boleh mencetuskan masalah kepada negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, undang-undang yang telah dilaksanakan tidak sepatutnya ditukar sesuka hati ekoran desakan mana-mana pihak kerana hanya akan mendatangkan keburukan.

Beliau berkata, rakyat negara ini hidup secara aman dan harmoni serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain sebelum ini kerana adanya undang-undang dan akta tertentu yang dijadikan panduan.

"Namun, kini semuanya berubah apabila undang-undang tertentu

termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan sehinggalah ada piltak yang berani menghina Islam.

"Mereka sekarang berani kata macam-macam kepada agama kita, dulu perkara ini tidak pernah terjadi, bila tiada undang-undang sedemikian inilah yang terjadi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Beliau mengulas tentang hasrat kerajaan untuk mewujudkan undang-undang baharu bagi menggantikan Ordinan Darurat (EO) dan Akta Hasutan 1948.

Selain itu, katanya, kerajaan perlu fikir secara mendalam sekarang untuk melaksanakan Akta Keharmonian Nasional.

"Dulu ada macam-macam undang-undang dan akta, itu yang

membuatkan kita harmoni, sekarang bila undang-undang tiada, rakyat bebas," katanya.

Mengulas tentang pertemuan dengan Perkasa, Dr. Mahathir berkata, pertemuan tertutup itu lebih kepada luahan rasa tidak puas hati pertubuhan itu terhadap beberapa isu kebelakangan ini.

Dalam pada itu, diminta mengulas tentang Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Dr. Mahathir berkata, beliau tidak bersetuju dengan langkah tersebut kerana khuatir negara akan menjadi mangsa pihak tertentu.

"Malaysia kena teliti sedalam-dalamnya sebelum menandatangani TPPA, saya khuatir kita akan menjadi mangsa. Ini adalah cubaan Amerika Syarikat untuk menguasai negara kita. Mereka sebenarnya takut kepada China, terbukti apabila negara berkenaan tidak dijemput untuk menyertai TPPA," katanya.